

18 AUG 1998

Mahathir-Cukai

KERAJAAN TIDAK AKAN NAIKKAN CUKAI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Kerajaan tidak akan menaikkan cukai seperti disangka oleh sesetengah pihak, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tetapi kerajaan tak nak naik cukai masa orang tengah payah, tengah susah, tidak ada duit, macam mana kita nak cukai rakyat, sepatutnya kita kurangkan cukai," beliau memberitahu persidangan akhbar selepas merasmikan sambutan Hari Pekerja di sini hari ini.

"Inilah apa yang IMF hendak kita buat, cukai rakyat lebih tinggi, kurangkan kredit dan naikkan kadar faedah, tetapi kita tidak boleh buat begitu," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai kemungkinan menaikkan cukai.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak boleh memberi jaminan bahawa cukai akan diturunkan.

Dr Mahathir berkata langkah-langkah kerajaan dalam menggesa rakyat supaya lebih berjimat cermat dengan menggunakan ringgit ketika berdagang serta mengurangkan import, walaupun berkesan tetapi masih belum mencukupi untuk memulihkan ekonomi.

Beliau berkata kerajaan terpaksa melihat kepada lebih banyak langkah-langkah yang mungkin diumumkan dalam belanjawan yang akan datang.

Apa juga langkah-langkah yang diperkenalkan tidak akan berkesan jika tidak mendapat sambutan daripada orang awam. "Ia tidak akan sampai ke mana-mana," katanya.

Dr Mahathir berkata langkah-langkah yang diterima pakai di beberapa negara Asia untuk menghalang ekonomi mereka daripada terus jatuh juga sedang dikaji.

Antara lainnya adalah belian saham oleh kerajaan seperti yang diamalkan di Hong Kong serta menempatkan moratorium bagi bank-bank untuk menghalang mereka daripada menjual saham yang dijamin sebagai cagaran apabila harga saham jatuh, seperti di Taiwan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan setiap kali Malaysia atau negara-negara lain yang dilanda krisis mengambil langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi, "mereka akan menggambarkannya sebagai satu tindakan drastik."

Sebagai contoh, apabila Malaysia merancang untuk meminjam wang di luar negara, ia juga dianggap sebagai satu langkah drastik.

Tetapi kini, selain negara-negara Asia, malahan Russia, anggota kumpulan lapan negara perindustrian, telah mengumumkan langkah-langkah drastik untuk memulihkan ekonominya termasuk menurunkan nilai mata wangnya serta penangguhan 90 hari bagi beberapa pembayaran hutang asing.

Mengenai rancangan menggunakan dana Tabung Haji untuk membeli saham dalam syarikat tempatan dengan kepentingan awam, beliau berkata: "Jika kita mempunyai lebih banyak wang, kita mungkin beli saham untuk menaikkan nilai saham itu."

Perdana Menteri berkata kerajaan kini bimbang apabila harga saham tidak mencerminkan nilai sebenar aset dan tunai syarikat, ia akan tertakluk kepada aset yang ditinggalkan oleh pelabur asing.

Beliau berkata kadang-kadang, nilai aset sebenar syarikat adalah lima kali daripada nilai saham mereka.

Dr Mahathir berkata harga saham ditekan ke bawah oleh pihak-pihak yang berhajat untuk mengambil alih syarikat-syarikat terbabit dengan harga murah.

Apabila ditanya sama ada pelabur asing membeli saham Malaysia sekarang, beliau berkata: "Kami mendapat maklumat mereka ada membeli saham-saham Malaysia."

Apabila ditanya lebih lanjut sama ada pelabur-pelabur asing membeli mengatasi had ekuiti asing yang diluluskan, beliau berkata dengan dagangan tanpa skrip, "kami tidak mengetahui sama ada pada satu ketika, ia lebih ataupun kurang."

"Urusniaga berlaku terlalu pantas tetapi kerajaan berusaha untuk menjejaki urusan itu," katanya.

Apabila ditanya apa yang perlu dilakukan oleh media untuk membantu pemulihan ekonomi Malaysia, beliau berkata mereka mestilah melaporkan perkara-perkara yang boleh memulihkan ekonomi.

Beliau juga berkata media tempatan tidak sepatutnya menyiarkan sebut harga di CLOB atau dagangan tidak formal di Central Limit Order Book (CLOB Singapura) kerana ia langsung tidak memberi keuntungan kepada Malaysia.

Tambahan lagi, ia bukan pasaran yang sah di Malaysia dan sebut-harganya tidak perlu dilaporkan dalam media tempatan. "Saya tidak faham mengapa anda mahu menyiarkan sebut-harga itu," katanya.

Dr Mahathir memaklumkan bahawa media asing kini menerima hakikat bahawa tindakan Malaysia menyalahkan pedagang mata wang dalam krisis serantau adalah betul, manakala media tempatan tidak memberikan pandangan yang adil terhadap negara.

Beliau berkata, kini hampir semua media asing "menyerang" spekulator mata wang (George) Soros dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tetapi perkara itu tidak dilaporkan dalam media tempatan.

"Kadar rendah pengangguran di Malaysia adalah bukti bahawa negara menerima pakai langkah-langkah dasar yang betul, tetapi perkara ini dan keupayaan untuk mengelak daripada meminta bantuan IMF tidak dilaporkan oleh media tempatan," tambahnya.

-- BERNAMA

AD OS